

28/07/1999

Putrajaya bukti Malaysia mampu jadi negara maju

Nazar Abdul

DULU namanya Prang Besar dan nilainya begitu rendah. Sekarang ia bukan saja bertukar nama kepada Putrajaya tetapi nilai kawasan itu naik mendadak, yang memberi keuntungan kepada penduduk sekitarnya. Pembukaan Putrajaya juga membuka banyak peluang baru kepada rakyat.

Kelmarin, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Tajol Rosli Ghazali memberitahu Dewan Rakyat bahawa kos pembangunan keseluruhan Putrajaya ialah RM23 bilion dan dibiayai menerusi penjualan hartanah milik kerajaan di Kuala Lumpur yang bernilai RM20 bilion. Ia kini menjadi pusat pentadbiran kerajaan.

Projek pembangunan Putrajaya termasuk Kompleks Pentadbiran Kerajaan Pusat, 40 kilometer dari ibu negara Kuala Lumpur adalah lambang kejayaan dan kecemerlangan Malaysia dalam pelbagai bidang pembangunan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Pandikar Amin Mulia menjelaskan projek itu bukanlah pembaziran sebagaimana didakwa sesetengah kalangan. "Malah rakyat Malaysia harus berbangga dengan pembangunan Putrajaya kerana ia adalah lambang kejayaan negara selama empat dekad," tegasnya dalam satu temu ramah khas di pejabatnya di Putrajaya baru-baru ini. Baginya, pembangunan Putrajaya sangat sesuai dengan kemajuan Malaysia dan ia menunjukkan negara ini benar-benar menuju ke arah sebuah negara maju.

Pembangunan Putrajaya sebenarnya adalah kejayaan dan kecemerlangan yang akan diwarisi oleh generasi Malaysia akan datang. Kawasan itu lengkap dengan pelbagai kemudahan moden dan canggih yang tidak ada sebelum ini.

Contohnya, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Pusat yang menempatkan pejabat Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan beberapa menteri lain akan diwarisi oleh Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, menteri dan pemimpin akan datang. Begitu juga dengan kediaman rasmi Perdana Menteri di Putrajaya bukan khusus untuk Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tetapi untuk sesiapa saja yang menjadi Perdana Menteri Malaysia akan datang.

Kemudahan lain seperti Masjid Putra, Dataran Putra dan Taman Wetland serta kompleks beli-belah yang dibangunkan di Putrajaya dapat dinikmati oleh rakyat Malaysia.

Jika di London ada kawasan Westminster di mana terletak kompleks Parlimen dan pejabat Perdana Menteri British di 10 Downing Street, Malaysia pula mempunyai Putrajaya yang menempatkan kompleks pentadbiran kerajaan Pusat dan kediaman rasmi Perdana Menteri.

Mereka yang mengatakan projek Putrajaya sebagai pembaziran adalah daripada golongan yang berfikiran sempit, menolak pembangunan. Mereka hanya mahu mengongkang pemikiran masyarakat Malaysia. "Kita tentu mahu diingat untuk 100 tahun akan datang melalui pelbagai projek yang serba moden dan canggih di Putrajaya," tegasnya.

Projek di Putrajaya sebenarnya adalah landasan pembangunan untuk generasi akan datang kerana mereka tidak perlu lagi menjadi perintis pembangunan sebaliknya meneruskan apa yang sudah dicapai. Ada yang berpendapat masalah akan timbul apabila semua urusan pentadbiran akan berpusat di Putrajaya. Disebabkan jaraknya yang jauh, akan menimbulkan masalah kepada orang ramai.

Sebenarnya orang ramai tidak akan menghadapi masalah untuk berulang-alik ke Putrajaya apabila siapnya sistem keretapi laju Express Rail Link (ERL) pada 2003 yang menghubungkan Kuala Lumpur-Cyberjaya-Putrajaya-Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur. Stesen ERL Putrajaya ialah di bawah Masjid Putra.

Sebagaimana dijelaskan oleh Tajol di Dewan Rakyat kelmarin, perpindahan jabatan dan kementerian ke Putrajaya akan mampu mengurangkan kesesakan jalan raya di Kuala Lumpur sebanyak 30 peratus. Selain sebahagian besar jabatan dan bahagian di Jabatan Perdana Menteri yang dipindahkan ke pusat pentadbiran baru itu, kementerian dan jabatan lain yang juga akan berpindah mengikut peringkat. Kementerian dan jabatan yang akan berpindah termasuk Kementerian Luar (Wisma Putra), Institut Diplomasi dan Hubungan Luar, Kementerian Perusahaan Utama dan Kementerian Penerangan.

Kementerian dan jabatan lain yang akan menyusul termasuk Jabatan Perangkaan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Jabatan Peguam Negara, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Kementerian Sains Teknologi dan Alam Sekitar, Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Tribunal Perkhidmatan Awam. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Badan Pencegah Rasuah, Jabatan Audit Negara, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Pengangkutan.

Kementerian Pendidikan; Kementerian Kesihatan; Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia; Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat; dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan juga akan berpindah termasuk Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Kementerian Pertahanan, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Jabatan Imigresen, dan Jabatan Pendaftaran Negara. Demikian juga Kementerian Kewangan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, dan Kementerian Pembangunan Usahawan, Kementerian Belia dan Sukan dan Kementerian Pertanian akan menyusul.

Bagi kalangan pelajar yang mengkritik usaha kerajaan ini, Pandikar Amin menyifatkan mereka adalah golongan yang tidak bersyukur dengan segala nikmat hasil usaha kerajaan. Mereka ini terpengaruh dengan anasir luar untuk menyalahkan kerajaan kerana membuat kesilapan dan pembaziran sedangkan mereka menikmati pelbagai kemudahan dan bantuan yang tidak didapati di negara lain.

Mungkin juga mereka tidak tahu dan tidak merasai pahit maung yang dilalui rakyat sebelum ini untuk mendapatkan kemerdekaan dan mengisi kemerdekaan dengan pelbagai projek pembangunan untuk kesejahteraan rakyat.

(END)